

» Sokongan kepada pembangunan sektor pengajian tinggi

Putrajaya: Penganjuran pertandingan Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 adalah inisiatif positif untuk mengetahui pasti dan menampilkan ikon yang layak menjadi contoh kepada generasi muda di negara ini.

Naib Presiden Kanan Pemasaran & Komunikasi, Bank Rakyat, Saliman Zainal, berkata justeru pihaknya menaja pertandingan itu sebagai menyokong pengiktirafan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) ke arah mempertingkat dan mengembangkan bidang pendidikan.

Beliau berkata, falsafah pendidikan yang berteraskan pembangunan modal insan akan mendukung usaha Malaysia mencapai status negara maju, secara langsung turut membantu memacu kejayaan Bank Rakyat.

Berdasarkan kecemerlangan akademik dan kurikulum calon anugerah terbabit, mereka mampu menjadi ikon yang menyuntik motivasi serta memberi teladan baik kepada golongan muda untuk meraih pencapaian cemerlang,” katanya ketika ditemui pada Majlis Pengumuman Finalis Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 di sini, baru-baru ini.

Sokong sektor pengajian tinggi
Yang turut hadir Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Ibrahim Ali; Pengurus Besar Divisyen Perundangan dan Perkhidmatan Korporat Putrajaya Holdings, Aminah Baba; Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Badrulhisham Othman; Pengarang Eksekutif Mingguan/BH2, Zainor Said; dan Pengarang Pendidikan BH, Fadzrena Jafar.

Selain Bank Rakyat, Anugerah Ikon Varsiti BH yang kini masuk tahun kedua penganjurannya turut mendapat penajaan Putrajaya Holdings.

Mengulas lanjut, Saliman berkata, Bank Rakyat juga bekerjasama dengan BH dalam program membabitkan sekolah rendah dan menengah bagi melahirkan pelajar cemerlang.

Beliau berkata, sokongan Bank Rakyat terhadap sektor pengajian tinggi negara sudah dimulakan sejak tahun lalu menerusi pengenalan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia membabitkan 1.3 juta kad kepada pelajar universiti.

ANUGERAH

IKON
VARSITI

Majlis Pengucapan
16 Jar



Saliman Zainal



Pengorbanan ibu menerusinya tap bersama-sama di kolej kediaman selama tujuh tahun sejak 2007 demi membantu saya menjalani kehidupan seharian di kampus menjadi pendorong utama”

Siti Hawa Apandi
Finalis Ikon Varsiti (kategori Inovasi Sosial)

Pengiktirafan tingkat semangat pelajar IPT

“Usia Bank Rakyat sudah menjangkau 60 tahun, justeru kami melihat ada kepentingan memberi sokongan kepada pembangunan sektor pengajian tinggi.

Usaha murni BH

“Ini adalah usaha kami untuk mendekati warga universiti kerana mereka bakal menjadi pelanggan dan mungkin warga kerja kami pada

masa depan. Langkah mendampingi mereka ini juga dapat memperkenalkan produk Bank Rakyat,” katanya.

Sementara itu, pegawai perhubungan awam universiti yang mengiringi finalis ke majlis berkenaan turut bersetuju pertandingan terbabit adalah usaha murni BH menyuntik semangat pelajar untuk terus cemerlang.

Pegawai Perhubungan Awam dan

Media, Universiti Malaysia Pahang, Mimi Rabita Abdul Wahid, berkata penganjuran Anugerah Ikon Varsiti BH adalah bagus kerana mengiktiraf inisiatif pelajar dalam pelbagai bidang.

Menerusi pertandingan itu, beliau berkata, usaha calon terbabit dapat disebarluaskan kepada umum untuk menjadi contoh kepada golongan muda.

Lebarkan jaringan kenalan

“Kini ada banyak inisiatif khidmat masyarakat penuntut sama ada pada peringkat tempatan maupun antarabangsa yang disebarluaskan kepada umum, jadi pengiktirafan ini dapat meningkatkan minat dan semangat pelajar lain untuk mencontohi usaha murni mereka,” katanya.

Wartawan Pejabat Pemasaran & Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Noor Eszereen Juferi, berharap penganjuran pertandingan itu berterusan memandangkan BH adalah satu-satunya akhbar yang memberi penganugerahan seumpama kepada pelajar IPT.



Calon peringkat akhir kategori berkumpulan, Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 yang diumumkan di Putrajaya, baru-baru ini